

TMM2020

KPDNHEP pantau 4,000 premis di pusat pelancongan

Georgetown: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menjalankan pemantauan serta penguatkuasaan terhadap kira-kira 4,000 premis di pusat pelancongan seluruh negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 (TMM2020).

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman, berkata pemantauan dan penguatkuasaan menerusi Ops Indah itu akan dijalankan menerusi Program Pematuhan Penandaan Harga di premis kawasan tumpuan pelancong 2020.

"Kita mulakan Ops Indah di Pulau Pinang kerana negeri ini menerima kunjungan pelancong 1.9 juta orang setiap tahun dan ini antara langkah kementerian untuk melindungi pengguna daripada aktiviti pengam-

bilan keuntungan berlebihan oleh peniaga yang tidak beretika di pusat pelancongan," katanya selepas melancarkan program itu di Bukit Bendera, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera (PHC), Datuk Cheok Lay Leng.

Iskandar berkata, antara tujuan Ops Indah bagi memastikan peniaga mempamerkan tanda harga pada makanan, selain meletakkan label kandungan makanan.

Beliau berkata, Ops Indah akan dijalankan dari semasa ke semasa di seluruh negara sehingga berakhirnya tahun ini.

"Pegawai penguat kuasa akan berada di lokasi tumpuan orang ramai membeli-belah seperti pasar awam, pasar tani dan pasar raya termasuk pusat jualan cenderung untuk menjalankan pe-

meriksaan serta pemantauan," katanya.

Iskandar turut menasihatkan pengguna supaya menyalurkan aduan di saluran betul supaya pegawai penguat kuasa dapat melakukan siasatan, seterusnya mengambil tindakan jika terdapat sebarang penyelewengan tanda harga di premis berkenaan.

"Peniaga perlu meletakkan tanda harga atau senarai harga bagi barangan dijual dan mereka yang ingkar boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Mereka yang sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM50,000 atau dikompaun RM25,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya bagi individu dan denda RM100,000 bagi syarikat atau dikompaun RM50,000," katanya. BERNAMA



Iskandar Halim (kiri) memeriksa harga jualan di kawasan tumpuan pelancong di Bukit Bendera, semalam. (Foto BERNAMA)